



PERTANDINGAN SENI LUKISAN HOPE 2021

Tema: Kebersamaan Masyarakat Malaysia Ketika Bencana dan Pandemik COVID-19 #kitajagakita #pemerksaankomuniti

Kelayakan Penyertaan

Pertandingan ini adalah terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 13 - 18 tahun.

Syarat & Panduan Pertandingan

- Lukisan hendaklah dihasilkan di atas kertas bersaiz A2 (42 cm x 59.4 cm).
- Peserta diberi kebebasan memilih medium untuk menghasilkan karya (*oil paints, watercolours, acrylic paints, graphite pencils, charcoal, dan pastels*).
- Setiap peserta dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan sahaja.
- Setiap penyertaan hendaklah disertakan dengan penerangan oleh pelukis atau *caption* tidak kurang dari 20 patah perkataan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
 - Setiap penyertaan haruslah hasil kerja asli (original work) peserta sendiri.
 - Semua bahan dan peralatan yang digunakan perlu disediakan sendiri oleh para peserta.
 - Dua (2) salinan gambar (format .jpg atau .png) hasil seni lukisan perlu dihantar. Gambar pertama adalah gambar hasil lukisan sahaja, manakala gambar kedua adalah hasil lukisan bersama pelukis sebagai bukti karya asal peserta. Peserta digalakkan untuk menghantar fail dengan kualiti sebaik mungkin. Penggunaan khidmat simpanan awan (cth: Google Drive) untuk menghantar karya juga dibenarkan.

Penilaian

Semua penyertaan yang lengkap dan menepati syarat yang ditetapkan akan dikira layak untuk dinilai oleh para panel yang dilantik oleh pihak penganjur.

Kriteria penilaian hasil seni lukisan termasuklah keaslian ekspresi pelukis, penggunaan media yang kreatif, dan teknik lukisan yang ditunjukkan. Para panel berhak (berdasarkan rasional) untuk menetapkan bahawa sesuatu penyertaan tersebut hilang kelayakan sekiranya keasliannya adalah meragukan. Keputusan panel adalah muktamad dan sebarang surat-menyerat tidak akan dilayan.

Penghantaran & Tarikh Tutup

Penyertaan boleh dihantar melalui emel kepada hadr@upnm.edu.my atau hadrcc.upnm@gmail.com. Sila nyatakan butiran di bawah di dalam emel penyertaan anda.

Perkara: Pertandingan seni lukisan HOPE 2021

Nama penuh:

No. telefon:

No. kad pengenalan:

Nama sekolah & negeri:

Penyataan artis/*caption* lukisan:

Setiap penyertaan perlulah dihantar dan diterima pihak penganjur pertandingan selewat-lewatnya pada **22 Oktober 2021**.

Hubungi kami bagi sebarang pertanyaan lanjut dan semakan penyertaan di +6013 7599761 (Muhaimin) atau emel yang disenaraikan di atas.



Kategori & Hadiah

Kategori A (umur 13 - 15 tahun)

Pemenang Pertama x 1

Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM1,000

Pemenang Kedua x 1

Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM750

Pemenang Ketiga x 1

Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM500

Saguhati x 20

Baucar tunai bernilai RM50

Kategori B (umur 16 - 18 tahun)

Pemenang Pertama x 1

Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM1,000

Pemenang Kedua x 1

Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM750

Pemenang Ketiga x 1

Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM500

Saguhati x 20

Baucar tunai bernilai RM50

Setiap penyertaan yang memenuhi syarat am akan menerima sijil penyertaan dari penganjur